

17/08/2003

Pertaruh nyawa meluncur di udara

Zubir Mohd Yunus

ORANGNYA cantik manis dan berperwatakan lemah lembut, namun jauh di sudut hatinya, Maznah Zulkifli ingin membuktikan kepada dunia, segala kesusahan, keperitan serta cabaran yang lazimnya dapat disempurnakan lelaki, kini semuanya berjaya direalisasikan Hawa.

Selain meminati sukan lasak, Maznah, anak kelahiran Johor Bahru, Johor, sebenarnya seorang selebriti popular dan kejelitaan dimilikinya melayakkan dia bergelar model komersial dan pelakon drama TV.

Antara iklan TV yang pernah dijayakannya ialah Bumiputera Commerce, Pampers, Ekonomi Handalan dan Johnson & Johnson, manakala drama TV pula ialah Cinta Antara Benua, Benci Tapi Rindu dan Cinta Yana & Adin.

Dia juga pernah bergelar pengacara Muzik-Muzik (kini Juara Lagu), seterusnya menggantikan tempat Azwan Ali selepas 10 tahun Azwan mengendalikan rancangan hiburan paling popular di TV3 ketika itu.

Kini, sebagai pengacara juga, Maznah ligat menjalani rakaman siri Malaysian Extreme: Pushing The Limit sebanyak 13 episod. Episod pertama rancangan yang memaparkan aktiviti lasak itu akan disiarkan menerusi TV2, jam 3.30 petang mulai 31 Ogos ini.

Melihat latar belakang Maznah yang sarat dengan kerja seni dan dilimpahi kilauan glamour, pasti sukar untuk mempercayai, dia sebenarnya rela membenarkan panas mentari `menjamah' tubuhnya yang putih gebu, selain tangan yang lembut, calar-balar dek penanganan sukan berisiko tinggi, luncur udara bermotor/paramotor atau lebih dikenali motorised paragliding (MPG)/power paraglider (PPG).

Maznah yang memiliki syarikat pengurusan acara, Maznah In Production (MIP), mula berjinak-jinak dengan sukan MPG kira-kira setahun lalu apabila menyimpan impian, terbang tinggi di awan biru persis seekor burung dan melihat keindahan dunia ciptaan Tuhan.

Maznah berkata antara peralatan asas MPG ialah seunit enjin yang menggunakan kuasa petrol, sayap/payung, sangkar keselamatan, harness/tempat duduk dan kipas atau propeller. Keperluan tambahan termasuklah topi keselamatan, sut penerbangan, global positioning system (GPS) yang bertindak seperti kompas dan set radio.

"Propeller lazimnya diperbuat daripada gentian fiber atau kayu. Harganya pula antara RM800 hingga RM1,000. Pun begitu, harga keseluruhan set MPG agak mahal iaitu kira-kira RM30,000. Namun, kepada yang berminat menyertai sukan ini, bolehlah mendaftar dengan persatuan berkenaan untuk mendapatkan jurulatih bertauliah, selain peralatan sempurna," kata lulusan perakaunan Victoria University of Wellington, New Zealand ini.

Maznah juga wanita Asia pertama yang berjaya terbang dengan MPG, sekali gus menempatkan namanya dalam Malaysia Book of Records.

Justeru, sempena Hari Belia, pada 15 Mei lalu Maznah dinobatkan untuk menerima Anugerah Duta Belia Negara 2003 daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan anugerah seumpama itu yang pertama di Malaysia.

Maznah juga sempat memberitahu, antara teknik penerbangan yang perlu diberi penekanan ialah peluncur mestilah berkebolehan melakukan pengembangan atau pengapungan payung/sayap.

"Selain itu, peluncur mestilah berpengetahuan untuk mengemudi tali riser dan brek. Ia bertindak mengawal pergerakan peluncur di udara sama ada kiri atau kanan, seterusnya memperlambatkan kelajuan penerbangan semasa mendarat.

"Kekuatan fizikal amat penting apabila peluncur perlu berlari bersama enjin bermotor seberat 25 kilogram yang disangkut di belakang badan. Seterusnya kita mestilah mengenal pasti arah angin sama ada kepala angin (head wind) atau ekor angin (tail wind) dan head wind perlu untuk mengembangkan payung," kata Maznah yang mengakui mendekati sukan MPG seolah-olah bertarung dengan nyawa sendiri!

Kata Maznah lagi, sedikit kesilapan atau kurang pengalaman terutama dalam teknik penerbangan tanpa enjin, bakal mengundang padah.

Apabila ditanya, tidakkah Maznah takut dengan risiko yang bakal menggamit peluncur pada bila-bila masa, Maznah berkata, apa saja sukan atau permainan adalah ciptaan manusia. Otak manusia pula adalah anugerah Tuhan, justeru usaha gigih, keyakinan, restu dan doa seterusnya bertawakal kepada Allah adalah kunci kejayaan diri.

Selain MPG, Maznah juga meminati aktiviti lasak seperti selam skuba dan dia pernah menerokai dasar laut Maldives dan terjun bungy di Tasik Taupo, New Zealand.

* Jurulatih: Leftenen Kolonel Basir Abdul Rahman (Telefon: 019 216 7526)

* Penghargaan: Persatuan Luncur Udara Bermotor Malaysia